

D.R. 47/97

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Bil Pertukaran 1949.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Bil Pertukaran (Pindaan) 1997. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Seksyen 3 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1 November 1997.

(3) Seksyen 2,4, 5 dan 6 hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Akta Bil Pertukaran 1949, yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 73 seksyen yang berikut: Seksyen baru 73A. Akta 204.

"Knowingly or negligently facilitating forgery" 73A. Notwithstanding section 24, where a signature on a cheque is forged or placed thereon without the authority of the person whose signature it purports to be, and that person whose signature it purports to be knowingly or

negligently contributes to the forgery or the making of the unauthorized signature, the signature shall operate and shall be deemed to be the signature of the person it purports to be in favour of any person who in good faith pays the cheque or takes the cheque for value."

Seksyen baru 74A.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 74 seksyen yang berikut:

" Presentment of cheque through document image processing system. 74A. (1) Notwithstanding section 45, a cheque is duly presented for payment if the cheque is presented through a document image processing system.

(2) For the purposes of this section, a "document image processing system" means a system which permits all forms of documents to be stored, recorded, retrieved, processed or produced by a computer.

(3) Where a cheque is presented for payment in accordance with this section, the paying bank may request the collecting bank to—

(a) provide it with such further particulars in relation to the cheque as the paying bank deems necessary; and

(b) exhibit the cheque or a copy of the cheque."

Pindaan seksyen 80.

4. Seksyen 80 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "a crossed cheque" perkataan "(including a cheque which under section 81A or otherwise is not transferable)".

Seksyen baru

5. Akta ibu adalah dipinda di bawah tajuk "*Crossed Cheques*" dengan memasukkan selepas seksyen 81 seksyen yang berikut:

" Non-transferable cheque. 81A. (1) Where a cheque is crossed and bears across its face the words "account payee" or "a/c payee", either with or without the word

"only", the cheque shall not be transferable, but shall only be valid as between the parties thereto.

(2) For the purposes of section 80, a banker is not to be treated as having been negligent by reason only of his failure to concern himself with any purported indorsement of a cheque which under subsection (1) or otherwise is not transferable."

6. Perenggan 85(2)(a) Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "cheques" perkataan "(including cheques which under section 81 A or otherwise are not transferable)".

Pindaan
seksyen 85

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Bil Pertukaran 1949 ("Akta ibu").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas bagi Akta yang dicadangkan dan permulaan kuatkuasanya.
3. *Fasal 2* bertujuan memasukkan seksyen baru 73A ke dalam Akta ibu. Di bawah seksyen baru 73A, jika seseorang yang landatangannya telah dipalsukan atau dibuat tanpa kebenarannya telah bertindak cuai atau telah dengan disedarinya memudahkan pemalsuan itu atau pernbuatan tandatangan tanpa kebenaran itu, maka tandatangan itu hendaklah disifatkan sebagai tandatangannya.
4. *Fasal 3* bertujuan memasukkan seksyen baru 74A ke dalam Akta ibu. Di bawah seksyen baru 74A, sesuatu cek boleh dikemukakan untuk pembayaran melalui sistem pemprosesan imej dokumen.
5. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 80 Akla ibu unluk menjadikan jelas bahawa perlindungan bagi bank pembayar di bawah seksyen itu adalah terpakai bagi pembayaran cek tak boleh pindah milik di bawah seksyen baru 81A yang dicadangkan.
6. *Fasal 5* bertujuan memasukkan seksyen baru 81A ke dalam Akta ibu. Subseksyen (1) dalam seksyen baru yang dicadangkan itu menjadikan jelas bahawa sesuatu cek yang dipalang dan mengandungi perkataan "account payee" melintanginya tidak boleh dipindahmilikkan. Subseksyen (2) dalam seksyen baru yang

dicadangkan itu memperuntukkan bahawa seseorang jurubank tidaklah cuai jika dia tidak mempedulikan apa-apa pengindorsan pada mana-mana cek tak boleh pindah milik di bawah subseksyen 81A(1) yang dicadangkan itu atau selainnya.

7. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 85 Akta ibu untuk menjadikan jelas bahawa perlindungan bagi bank pemungut di bawah seksyen itu adalah terpakai bagi pemungutan cek tak boleh pindah milik di bawah seksyen baru 81A yang dicadangkan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1846.]